SELANGOR KINI

www.selangorkini.my @Media_Selangor
tvs selangortv.my MediaSelangor

PERCUMA 19 - 25 Disember 2019, 22 - 28 Rabiulakhir 1441

SMART SELANGOR

Hanya 83,382 daftar air percuma
MUKA 2

Sultan Selangor lancar buku Tengku Permaisuri
MUKA 5

LZS bantu 65,956 anak asnaf ke sekolah
MUKA 21

Pemenang emas Sukan SEA dapat habuan
MUKA 23

Majoriti terima sebulan gaji

OLEH **AFIX REDZUAN**

SHAH ALAM - Sebanyak 94 peratus atau 21,612 penjawat awam di Selangor bakal menerima sebulan gaji Bantuan Khas Kewangan (BKK) pada 24 Disember ini.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari berkata, seramai 105 penjawat awam pula bakal menerima dua bulan gaji manakala selebihnya RM500 berdasarkan penilaian petunjuk prestasi utama (KPI) ditetapkan sebelum ini.

"Tempoh hari kita tawarkan (BKK) RM500, sebulan dan dua bulan. Seramai 105 orang menerima dua bulan gaji, ada lebih kurang lima peratus kita anggap tidak mencapai prestasi akan dapat RM500 dan selebihnya 94 peratus mendapat sebulan gaji.

"Jun lalu (Aidilfitri) kita sudah beri sebulan, sekarang dapat RM500, sebulan atau dua bulan gaji pada hujung tahun," katanya pada 16 Disember lalu.

Dalam amanat disampaikan pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kerajaan Negeri di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Amirudin berkata, pentadbirannya akan menyediakan peluang latihan kepada penjawat awam yang tidak mencapai KPI.

Katanya, langkah berkenaan bukan bersifat menghukum sebaliknya bagi memantapkan keupayaan penjawat awam supaya mampu memberikan perkhidmatan lebih baik selepas ini.

"Bagi kelompok ini, kita (Kerajaan Negeri) sediakan latihan dan pendedahan termasuk dalam atau luar negeri supaya (penjawat awam) berubah ke arah lebih baik untuk mencapai kriteria KPI ditetapkan," katanya.

Beliau berkata, sejumlah RM32.5 juta diperuntukkan untuk pemberian BKK kepada 22,992 penjawat awam di Selangor yang dibayar penghujung bulan ini.

Katanya, sebanyak 13 agensi di Selangor merangkumi dua pejabat daerah dan tanah, dua badan berkanun, dua jabatan serta tujuh pihak berkuasa tempatan (PBT) telah diperakukan sebagai jabatan cemerlang sepanjang tahun ini.

Dato' Seri Amirudin Shari bergambar bersama enam Sasterawan Negara pada majlis anugerah Hadiah Sastera Selangor di SACC Mall, Shah Alam pada 16 Disember lalu. Gambar oleh Remy Ariffin. ***Berita lanjut di muka 3, 11 dan 16***

Maju bersama, pastikan tiada golongan tercicir

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri tekad memastikan tiada golongan tercicir dalam arus pembangunan pesat selaras dengan tema Selangor Maju Bersama.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari berkata, selain berhasrat menjadi negeri unggul, kerajaan juga merangka pelbagai program bagi memartabatkan kehidupan dan kebajikan rakyat.

"Seperti apa yang selalu disebut sebagai 'miracle of Christmas' atau keajaiban Hari Natal, Kerajaan Negeri tidak pernah lupa kepada mereka yang kurang upaya dan kepedulian kepada alam sekitar.

"Banyak lagi polisi lain seperti penubuhan Majlis Tindakan OKU Selangor, program Anak Istimewa Selangor (AnIS) dan juga program mesra warga emas berjumlah RM20 juta.

"Turut dianjurkan kesukarelawan hijau atau 'green volunteerism' juga 'Friends of River'- keseluruhannya dalam rangka meraikan semua pihak supaya tiada golongan yang tertinggal selari dengan tema Selangor Maju Bersama," katanya.

'Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Krismas peringkat Selangor 2019 di Pekarangan Pusat Pemborong GM Klang, di sini pada 14 Disember lalu.

'Menjelang 2020, Amirudin berkata Kerajaan Negeri mengorak langkah menginstitusikan beberapa polisi pro-ekonomi seperti Dasar Kelulusan 100 Hari yang bakal mempermudah urusan merancang dan membangunkan tanah.

Katanya, pentadbiran negeri juga berani mengambil langkah proaktif dengan pengenalan program Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) bagi menyemarakkan 'gig economy' buat anak muda yang mahu menceburi bidang berkenaan.

'"Untuk yang baru mahupun yang sudah berniaga, banyak peluang serta wahana disediakan bagi mereka mempertingkatkan kemahiran melalui program-program TVET seperti IKTISASS di Kolej INPENS serta memperkembang perniagaan mereka melalui kemudahan modal mikrokredit daripada Yayasan HIJRAH.

"Ini semua bukti komitmen Kerajaan Negeri dalam memberi yang terbaik buat rakyatnya," katanya.

Amirudin berkata, selain kestabilan ekonomi dan memudahkan perniagaan, Kerajaan Negeri turut memberikan perhatian kepada aspek keselamatan dengan pemasangan 5,000 unit kamera litar tertutup di seluruh daerah seperti yang telah dibentangkan dalam Belanjawan Selangor 2020.

"Barisan penguatkuasa kita di pihak berkuasa tempatan (PBT) turut dipertingkatkan kualitinya menjadi Polis Bantuan seramai 180 anggota buat permulaan. Tidak dinafikan rasa aman damai dan sejahtera menjadi impian seluruh rakyat Selangor," katanya.

EDARAN DIGITAL SELANGOR KINI

SILA JELASKAN BAYARAN
CUKAI PETAK
ANDA SEKARANG
SEBUAH MESEJ DARIPADA
PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR
Untuk maklumat lanjut sila layari https://ptg.selangor.gov.my/ #SMARTSELANGOR

Permohonan Skim Air Darul Ehsan

Hanya 83,382 daftar air percuma

OLEH **NORHAYATI UMOR**

SHAH ALAM - Hanya 83,382 pemohonan Skim Air Darul Ehsan diterima Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) setakat 15 Disember lalu.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporatnya, Abdul Halem Mat Som berkata, angka itu masih rendah berbanding sasaran Kerajaan Negeri.

"Daripada jumlah itu, hanya 46,941 pemohon mempunyai maklumat lengkap sementara 27,415 permohonan lagi tidak boleh diproses kerana maklumat tidak lengkap.

"Manakala baki 9,026 pemohon pula sedang diproses untuk dikemaskini," katanya kepada SelangorKini.

Abdul Halem berharap, orang ramai menggunakan peluang untuk mendaftar dengan skim ini yang akan berakhir pada 31 Disember ini.

"Rugi jika tidak mendaftar bagi mereka yang layak menikmati pemberian 20 meter padu air percuma ini.

"Walaupun, ia hanya RM11.40 untuk bil air sebulan tetapi kapasiti air yang diterima secara percuma itu bersamaan dengan 20,000 botol air," katanya.

Skim Air Darul Ehsan yang berkuat kuasa 1 Mac 2020 menyasarkan golongan berpendapatan bawah RM4,000 untuk terus menikmati air percuma bagi 20 meter padu setiap bulan.

Terdahulu, Air Selangor membuka pendaftaran selama tiga bulan yang berakhir hujung tahun ini.

Pengguna boleh membuat permohonan secara dalam talian melalui laman sesawang Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat di www.ssipr.selangor.gov.my.

Pengguna juga boleh memuat turun borang permohonan di laman sesawang www.airselangor.com atau kaunter perkhidmatan di 10 pejabat wilayah pengurusan Air Selangor.

Isu tanah Kampung Indian Settlement selesai

BATU CAVES - Kerajaan Negeri berjaya menyelesaikan isu 27 lot tanah membabitkan penduduk Kampung Indian Settlement di sini, kata Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau berkata, kesemua mereka yang menetap di tepi sungai akan dipindahkan ke penempatan baharu yang telah disiapkan.

"Isu berkaitan Kampung Indian Settlement ini sebenarnya adalah perkara lama sejak saya menggalas tanggungjawab sebagai Ahli Dewan Negeri (ADN) Batu Caves dan selesai pada 2009, namun ia tidak dapat mengikut pelan asal memandangkan terdapat sebahagian penduduk yang tinggal di tepi sungai.

"Kerajaan Negeri berusaha membantu penduduk kerana sebelum ini mereka menghadapi kecelaruan tanah lot yang bercampur serta tidak disusun dengan baik.

Kerajaan Negeri berusaha membantu penduduk kerana sebelum ini mereka menghadapi kecelaruan tanah lot yang bercampur

AMIRUDIN SHARI
Dato' Menteri Besar

"Saya jangkakan ia selesai dalam tempoh setahun lagi, setelah itu kita memulakan pembinaan jalan utama untuk kemudahan penduduk," katanya.

Amirudin yang juga ADN Sungai Tua berkata demikian selepas Program Kembali Ke Sekolah anjuran Persatuan Penduduk Indian Settlement Batu Caves dengan kerjasama Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri berkenaan, di sini, pada 15 Disember lalu.

Untuk rekod, kampung terbabit antara penempatan tradisi penduduk India di Parlimen Gombak.

SKIM AIR DARUL EHSAN

Siapa layak dapat air percuma?
- Warganegara Malaysia menetap di Selangor
- Pendapatan bulanan suami dan isteri RM4,000 dan ke bawah
- Kediaman bermeter air individu
- Pangsapuri kos rendah bermeter pukal perlu pengesahan Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC)
- Layak memohon untuk satu akaun atau kediaman sahaja

Di mana ada borang permohonan?
- boleh isi atas talian melalui **www.ssipr.selangor.gov.my**
- dapatkan borang di **www.airselangor.com**
- borang juga disediakan di pejabat wilayah Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.

DAFTAR SEBELUM 31 DISEMBER 2019 SEGERA

Di mana hantar borang?
Hantar melalui emel **iprair@airselangor.com**
Serahkan borang di **kaunter pejabat wilayah** Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.

Belum jelas? Layari www.airselangor.com atau hubungi talian 15300
Air Selangor

Layan sama rata tanpa diskriminasi

PUCHONG - Kerajaan Negeri beriltizam untuk terus mengamalkan prinsip layanan sama rata kepada semua kaum tanpa diskriminasi selagi Pakatan Harapan (PAKATAN) kekal menerajui Selangor.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari berkata, PAKATAN juga mahu memastikan kerajaan bekerja keras memenuhi kehendak rakyat supaya mandat pilihan raya umum lalu dikekalkan.

"PAKATAN terus menjaga kebajikan dan kesihatan seluruh masyarakat termasuk wanita, anak kecil mahupun orang tua dan memastikan ekonomi terus baik, kaya dan makmur, sekali gus mengembalikan kekayaan itu kepada rakyat.

"Saya percaya hasil sokongan dan pencapaian di Selangor, PAKATAN dapat melaksanakan yang terbaik kerana asas kita adalah (kerajaan) bertanggungjawab serta bersih seperti janji PRU14 (Pilihan Raya Umum ke-14)," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Makan Malam Anjuran DAP Kinrara yang dihadiri hampir 1,000 rakyat di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Sin Ming, di sini pada 13 Disember lalu.

Turut hadir, Penasihat DAP, Lim Kit Siang dan Bendahari DAP Selangor merangkap Ahli Dewan Negeri Kinrara, Ng Sze Han.

Pada masa sama, Amirudin berkata, Kerajaan Negeri sedang menggerakkan Selangor ke pentas antarabangsa supaya menjadi model kepada negeri lain.

"Saya baru pulang dari Barcelona dan di sana kita membawa program Smart City di peringkat antarabangsa. Selangor menjadi negeri pertama di Malaysia yang dijemput ke Persidangan Antarabangsa Smart City selama empat tahun berturut-turut," katanya.

PAKATAN terus menjaga kebajikan dan kesihatan seluruh masyarakat termasuk wanita, anak kecil mahupun orang tua dan memastikan ekonomi terus baik

AMIRUDIN SHARI
Dato' Menteri Besar

Bawah bimbingan Sasterawan Negara

'Master class' buat pengkarya baharu

Dato' Seri Amirudin Shari menyerahkan replika cek kepada pemenang utama esei pada Majlis Hadiah Sastera Selangor 2019 di SACC Mall, Shah Alam pada 16 Disember lalu

OLEH **NADIAH ZAMLUS**

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri dalam rancangan mewujudkan Kelas Induk (Master Class) bagi melahirkan lebih ramai pengkarya sastera baharu dari Selangor, kata Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari.

Katanya, kelas yang dirancang pada 2020 itu bakal dibimbing Sasterawan Negara sendiri bagi membolehkan penulis baharu memperkayakan lagi koleksi tulisan mereka sama ada dari segi konteks serius selain seni dan budaya.

"Mungkin ia (Kelas Induk) dilihat sebagai usaha kecil, tetapi saya yakin ia mampu mengisi Malaysia Baharu supaya tidak lompong.

"Kini dengan tanggungjawab dan kefahaman, Kerajaan Negeri mahu menerus-kan peranan bagi melatih karyawan, sekali gus mewujudkan lebih ramai pengkarya ternama serta kemudiannya menjadi aset bernilai pada negara juga negeri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis anugerah Hadiah Sastera Selangor 2019 di Black Box SACC Mall, di sini pada 16 Disember lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB), Mohamed Fareed Mohamed Ashaaree yang juga penganjur utama program terbabit.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said, Datuk Dr Anuar Rethwan, Datuk Dr Ahmad Kamal Abdullah (Kemala), Datuk Dr Zurinah Hassan, Prof Dr Siti Zainon Ismail dan Datuk Baha Zain.

Pada majlis berkenaan, tiga pemenang utama serta 12 pemenang penghargaan bagi kategori esei, cerpen dan sajak turut diumumkan.

Dalam perkembangan sama, Ketua Juri Hadiah Sastera Selangor 2019, Faisal Tehrani menyambut baik cadangan Dato' Menteri Besar berhubung rancangan mewujudkan Kelas Induk terbabit.

Katanya, program sedemikian mampu menghasilkan kualiti kerja yang baik dalam kalangan karyawan.

"Kami (juri) ingin memberi kredit kepada SelangorKini, Kerajaan Negeri dan kumpulan editorial yang bertungkus lumus membantu menerbitkan karya sastera fiksi dan non-fiksi tanpa prejudis. Semoga usaha ini akan terus diberi perhatian dan sokongan," katanya.

Kutipan premium Selangor catat RM1.066 bilion

SHAH ALAM - Selangor mencatatkan kutipan premium sebanyak RM1.066 bilion setakat November lalu.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari berkata, jumlah kutipan itu melebihi sasaran sebanyak RM1 bilion yang ditetapkan bagi tahun ini.

"Saya dimaklumkan kita sasar kutipan premium sebanyak RM1 bilion tetapi setakat November kita sudah berjaya mencatatkan kutipan RM1.066 bilion iaitu lebih daripada sasaran kita tetapkan," katanya.

Beliau berkata, demikian pada Majlis Apresiasi Dato' Menteri Besar bersama Ketua-Ketua Jabatan & Agensi Kerajaan Negeri di Dewan Megawati di Kediaman Rasmi Menteri Besar di sini pada 17 Disember lalu.

Program itu turut dihadiri EXCO Pembangunan Generasi Muda & Sukan dan Pembangunan Modal Insan, Mohd Khairuddin Othman, EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani, Izham Hashim serta beberapa Ahli Dewan Negeri.

Amirudin berkata, kejayaan itu dicapai hasil usaha gigih semua pihak yang memastikan pendapatan negeri terus meningkat.

Dalam pada itu, ketika menyentuh isu langkah Penjajaran Semula Program Inisiatif Peduli Rakyat, Amirudin berkata, rakyat boleh menerima keputusan itu sekiranya penjelasan dibuat secara tuntas dan konsisten.

"Awalnya saya agak bimbang maklum balas mungkin negatif namun bila saya perolehi beberapa dapatan, kita dekati beberapa pandangan.

"Jika kita lakukan perkara yang betul walaupun kurang popular yang tidak mendapat pujian tetapi kalau kita konsisten, lakukan dengan betul, menerangkan dengan tuntas, akhirnya orang akan terima," katanya.

EDARAN SELANGOR

SILA JELASKAN BAYARAN
CUKAI PETAK
ANDA SEKARANG
SEBUAH MESEJ DARIPADA
PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR
Untuk maklumat lanjut sila layari https://ptg.selangor.gov.my/ #SMARTSELANGOR

Pemimpin politik digesa ambil berat

Turun padang, bantu rakyat

Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah ketika Istiadat Pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran Negeri Selangor di Balairung Seri, Istana Alam Shah, Klang pada 11 Disember lalu

OLEH **NORHAYATI UMOR**

KLANG - Pemimpin politik di Selangor digesa terus mengambil berat terhadap kebajikan dan menjadikan kepentingan rakyat sebagai keutamaan dalam urusan pentadbiran negeri.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah, pemimpin politik bukan sahaja perlu turun padang melihat masalah tetapi perlu berusaha membantu rakyat khususnya berpendapatan rendah dan miskin.

"Sejak kebelakangan ini rakyat menderita dengan kesempitan hidup akibat dari kenaikan harga barangan dan kos kehidupan yang semakin meningkat dari hari ke sehari.

"Beta menyeru kepada pemimpin politik ini untuk turun bersama rakyat bagi melihat masalah rakyat dan berusaha keras ke arah membantu mereka terutama mereka yang berpendapatan rendah dan miskin," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Istiadat Pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran Sempena Ulang Tahun Keputeraan Yang ke-74 di Istana Alam Shah, di sini, pada 11 Disember lalu.

Turut mengiringi baginda DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin; Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari.

Sementara itu, baginda memuji dan berbangga dengan kepesatan perkembangan ekonomi dan infrastruktur negeri serta pembangunan perumahan yang dapat memberikan kehidupan yang selesa kepada rakyat.

"Sepanjang tempoh pemerintahan, Beta melihat pembangunan negeri Selangor bermula sebagai sebuah negeri yang sederhana pembangunannya kemudian dibangunkan secara terancang dan berkembang menjadi sebuah negeri yang pesat membangun sehingga menjadi sebuah negeri termaju di negara ini.

"Beta percaya kejayaan yang dicapai ini adalah hasil usaha cemerlang pihak kerajaan khususnya Kerajaan Negeri, penjawat awam serta sumbangan rakyat yang bekerja di Selangor secara berterusan," titah baginda.

Sehubungan itu, baginda bertitah supaya segala kemajuan dan kemakmuran dicapai Selangor dapat berterusan dinikmati rakyat.

"Adalah diharapkan pemimpin masyarakat dari semua peringkat dapat bekerjasama dalam menjalankan tugas dengan jujur dan ikhlas.

"Beta juga mengharapkan supaya kerajaan negeri serta penjawat awam sentiasa berkhidmat dengan cekap dan amanah serta meletakkan kemakmuran rakyat sebagai matlamat utama," titah baginda.

Ikrar tangkas dan berani kemudi negeri

KLANG - Keprihatinan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah terhadap kemaslahatan rakyat sentiasa menjadi tauladan buat pentadbiran Kerajaan Negeri.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari berkata, pentadbiran Selangor menjadikan baginda sebagai pedoman mengemudi bahtera dengan tangkas, lincah dan berani demi memastikan Selangor gagah berlayar serta megah bersaing.

"Negeri hebat ini bagaikan bahtera yang lincah dan tangkas. Ia seumpama bahtera pinisi orang-orang Bugis, sederhana akan tetapi lincah dan besar cita-citanya. Istilah pinisi itu merupakan gabungan dua perkataan iaitu "picuru" yang bermaksud orang-orang baik dan "binisi", sejenis ikan kecil yang tangkas serta lincah.

"Kami setia dikemudi DYMM Tuanku, sama ada ke utara, selatan, timur mahupun barat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Ucapan Sembah Taat Setia Dato' Menteri Besar sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan ke-74 DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah di Istana Alam Shah, di sini pada 11 Disember lalu.

Amirudin berkata, kegemilangan Selangor di bawah pentadbiran baginda turut mencatat kejayaan antaranya pelaburan sebanyak RM16.4 bilion dalam sektor pembuatan sepanjang Januari hingga September lalu.

Katanya, jumlah itu melangkaui sasaran RM10 bilion ditetapkan, sekali gus menjadikan Selangor berada pada kedudukan teratas di Malaysia.

"Kerajaan Negeri juga bertekad menyumbang sejumlah 30 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar menjelang 2030.

"Kami juga bercita-cita untuk menjadikan Selangor sebagai negeri pintar terunggul di rantau ini yang dapat menyediakan 60 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi daripada jumlah tenaga kerja berkemahiran tinggi di Malaysia," katanya.

TAHNIAH... Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari dikurniakan darjah kelas pertama, Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) yang membawa gelaran Dato' Seri.

Beliau mendahului senarai 91 penerima darjah dan bintang kebesaran Selangor sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan ke-74 Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah di Istana Alam Shah, Klang pada 11 Disember lalu.

SELANGOR KINI
SIDANG PENGARANG
PENASIHAT Lembaga Editorial CCSB
PENGARANG KUMPULAN Fathi Aris Omar
PENGARANG Nurul Farina Nazlan
PENOLONG PENGARANG Naeem Raffi, Afeeqa Afeera, Hafizan Taib, Aishah Amin & Teon Eg
WARTAWAN
Nazli Ibrahim nazli@mediaselangor.com,
Afix Redzuan syafiq@mediaselangor.com,
Norhayati Umor hayati@mediaselangor.com,
Sheeda Fathil sheeda@mediaselangor.com
Nadiah Zamlus sitinadiah@mediaselangor.com
Zareef Muzammil zareefmuzammil@mediaselangor.com
JURUGAMBAR Asri Sapfie, Raheemie Arifin, Hafiz Othman & Fikri Yusof
REKA LETAK Azwa, Nor Azarina, Farah Azila, Zul
JABATAN PEMASARAN & PENGIKLANAN
Nadhrah Azlan nadhrah@mediaselangor.com
Syahir Khadri syahir@mediaselangor.com
Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

EDARAN DIGITAL SELANGOR KINI

SILA JELASKAN BAYARAN CUKAI PETAK ANDA SEKARANG
SEBUAH MESEJ DARIPADA
PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR
Untuk maklumat lanjut sila lawati https://ptg.selangor.gov.my/
#SMARTSELANGOR

Kisah pengalaman Tengku Permaisuri Norashikin

Sultan Selangor lancar buku 'My First Year Journey'

OLEH **NORHAYATI UMOR**

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan melancarkan buku perjalanan hidup DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin pada 16 Disember lalu.

Baginda melancarkan naskhah berjudul "Perjalanan Tahun Pertama Saya Dari Penyampai Berita TV ke Tengku Permaisuri Selangor" (My First Year Journey, from TV News Anchor to Tengku Permaisuri Selangor) di Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam.

Mengiringi baginda, Tengku Permaisuri Norashikin dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Hadir sama Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari dan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Tengku Permaisuri bertitah, naskhah itu mengisahkan pengalaman baginda mengenali protokol istana seperti adat istiadat, bahasa istana serta susur galur sejarah Kesultanan Selangor.

"Beta amat terharu dan berbesar hati dengan sokongan serta input diberikan DYMM Tuanku Sultan, khususnya membabitkan hal-hal berkaitan adat istiadat istana.

"Beta amat berbesar hati dan teruja dengan penerbitan naskhah ini walaupun pada masa sama perasaan beta bercampur baur, apatah lagi beta seorang yang tidak gemar untuk berkongsi kisah kehidupan dan peribadi beta sejak dahulu lagi," titah baginda.

Baginda bertitah, penerbitan buku yang mengambil masa hampir tiga tahun itu ditulis oleh kakak baginda, Datin Dr Norely Abdul Rahman.

"Buku ini mengambil masa lama untuk disiapkan kerana setiap kali ditanya oleh penulis iaitu kakak beta sendiri, beta seringkali menangguhkan permintaan beliau.

"Oleh sebab beta juga seorang yang teliti, jadi beta mahu setiap penceritaan itu ditulis secara terperinci tanpa ditokok tambah dan berdasarkan peristiwa yang benar-benar berlaku," titah baginda.

Buku kulit keras berkenaan turut memaparkan pengalaman peribadi serta koleksi gambar eksklusif yang belum pernah disiarkan di media.

Ia diterbitkan khas untuk tatapan pembaca yang ingin mengenali Tengku Permaisuri Selangor.

Jangan agungkan perjuangan komunis

KLANG - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mahu rakyat tidak terkeliru dengan fakta sejarah berkaitan perjuangan Parti Komunis Malaya (PKM) dan mengagung-agungkan pemimpin mereka.

Sebaliknya, baginda bertitah perjuangan PKM tidak berlandaskan konsep pembentukan sebuah negara Malaysia yang merdeka berteraskan demokrasi Raja Berpelembagaan walaupun dikatakan turut menentang penjajahan.

Titah baginda, fakta perjuangan ideologi PKM adalah satu fakta sejarah yang perlu rakyat fahami dengan mendalam supaya tidak terpesong dengan perkara yang mengelirukan berkenaan perjuangannya.

"Melalui fakta sejarah juga, kita dapat menghargai pengorbanan besar yang telah dilakukan oleh anggota pasukan keselamatan negara sama ada pasukan Polis Diraja Malaysia atau pasukan tentera kita terutamanya ketika negara diancam PKM sekitar tahun 40-an hingga 70-an.

"Begitu ramai pasukan keselamatan kita terkorban dalam mempertahankan kedaulatan dan maruah negara dari anasir komunis ini, terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India dan kaum-kaum lain.

"Mereka juga turut terkorban akibat serangan pengganas komunis, kehidupan rakyat pada ketika itu sentiasa di dalam ketakutan akibat serangan yang dilakukan oleh anggota PKM ini, banyak perkampungan dan balai polis diserang. Rakyat dan anggota polis dibunuh serta diseksa oleh anggota PKM," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Istiadat Pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran sempena Ulang Tahun Keputeraan Yang ke-74 di Istana Alam Shah pada 11 Disember lalu.

Pada masa sama, baginda menyeru rakyat memelihara sensitiviti dan tidak mencampuri urusan sesuatu kaum lain khususnya membabitkan isu keagamaan.

Baginda bertitah, semua rakyat perlu terus menjalinkan sikap hormat-menghormati antara satu sama lain supaya keharmonian terus terpelihara.

"Janganlah perpaduan yang kita bina bersama sejak sekian lama ini diruntuhkan hanya kerana kita mempunyai perasaan syak wasangka antara satu sama lain dan hilang rasa hormat sesama kita yang berlainan agama dan bangsa ini.

"Sikap bersefahaman dan tolak-ansur antara berbilang kaum yang diamalkan selama ini membolehkan rakyat berkongsi kehidupan di dalam suasana yang tenteram di Selangor yang permai ini," titah baginda.

SILA JELASKAN BAYARAN
CUKAI PETAK
ANDA SEKARANG
SEBUAH MESEJ DARIPADA
PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR
Untuk maklumat lanjut sila lawati https://ptg.selangor.gov.my/ #SMARTSELANGOR

Program pemutihan kilang haram

Rebut peluang, elak tindakan

OLEH **NORHAYATI UMOR**

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menggesa semua pemilik kilang haram di Selangor menjalankan operasi secara sah melalui proses pemutihan sekiranya tidak mahu dikenakan tindakan tegas selepas tempoh pemutihan terbabit tamat pada 30 September 2020.

EXCO Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han berkata, Kerajaan Negeri mahu semua pemilik kilang haram manfaatkan peluang terkahir itu memandangkan ia dilanjutkan selama setahun bermula 1 Oktober lalu.

"Tempoh setahun itu adalah lanjutan kali ketujuh sejak program ini dilaksanakan pada 2008.

"Saya menyeru kepada pemilik kilang haram agar manfaatkan peluang ini. Ini adalah proses pemutihan yang terakhir jadi gunakan peluang yang diberikan sebelum tindakan tegas dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Sesi Dialog Kali Ketiga Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran, di Dewan Rafflesia Seksyen U16, di sini pada 16 Disember lalu.

Sesi dialog itu membabitkan pemilik tanah dan penguasaha kilang yang berada di Seksyen U3, U6 dan U9 Shah Alam.

Sze Han berkata, sekiranya pemilik masih berdegil, pihak bertanggungjawab boleh merampas tanah tapak kilang haram selaras dengan Seksyen 130 Kanun Tanah Negara 1965.

"Pentadbir tanah boleh mengeluarkan denda tidak kurang dari RM500 serta kompaun harian berjumlah RM100. Tindakan itu selari dengan Seksyen 127(1A)(a) dan 127(1A)(b) Kanun Tanah Negara 1965," katanya.

Saya menyeru kepada pemilik kilang haram agar manfaatkan peluang ini. Ini adalah proses pemutihan yang terakhir jadi gunakan peluang yang diberikan

NG SZE HAN
EXCO Kerajaan Tempatan

537 keluarga terima baucar bantuan sekolah

SHAH ALAM - Sebanyak 537 keluarga menerima baucar bantuan persekolahan bagi membeli kelengkapan anak-anak tahun hadapan.

EXCO Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi, Rodziah Ismail berkata, baucar mengikut tanggungan keluarga itu boleh diguna bermula 14 Disember hingga 31 Januari 2020.

"Bagi keluarga yang mempunyai seorang anak, mereka menerima baucar RM50, dua orang anak (RM70), tiga orang anak (RM120) dan empat orang anak (RM200)," katanya pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang dan Bantuan Kembali Ke Sekolah, di sini, 14 Disember lalu.

Pada majlis itu, Rodziah turut meraikan 138 pelajar cemerlang membabitkan sepuluh sekolah dalam Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR).

Ahli Dewan Negeri Batu Tiga berkata seramai 59 orang mendapat 5A, 47 orang (6A), 19 orang (7A) dan 9 orang (8A).

Bagi keluarga yang mempunyai seorang anak, mereka menerima baucar RM50, dua orang anak (RM70), tiga orang anak (RM120) dan empat orang anak (RM200)

RODZIAH ISMAIL
EXCO Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi

"Peningkatan cemerlang pelajar ini meningkat 20 peratus berbanding tahun lalu," katanya.

Pada masa sama, katanya Kerajaan Negeri mewujudkan program Tuisyen Rakyat "Awesome" secara dalam talian membabitkan pelajar yang bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia dan UPSR pada tahun hadapan.

Bersama perjuang hak asasi OKU - EXCO Kesihatan

SERDANG - Masyarakat diingatkan supaya mengelak sebarang bentuk penindasan terhadap orang kelainan upaya (OKU), sebaliknya bersama memperjuangkan hak asasi golongan itu demi kepentingan sejagat.

EXCO Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita Dan Keluarga, Dr Siti Mariah Mahmud berkata, perhatian adil wajar diberi supaya kelompok minoriti itu mampu berdikari.

Beliau berkata, pihaknya berhasrat mengangkat model kerajaan memberdaya OKU memandangkan isu golongan itu bukan semata-mata membabitkan aspek kebajikan sahaja.

"Pemberdayaan ini baik daripada aspek kesihatan, pendidikan, undang-undang, peluang kerjaya dan kemudahan infrastruktur yang selesa supaya akhirnya mereka boleh hidup secara berdikari.

"Malah, keadilan dalam menyantuni kelompok ini juga sejajar dengan dasar kerajaan Pakatan Harapan (PAKATAN) yang mengangkat agenda Rahmatan lil alamin (rahmat untuk semua) sebagai teras pentadbiran," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucaptama ketika merasmikan Persidangan OKU Selangor 2019 bertemakan 'OKU Berdaya Penggerak Negara' di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang di sini pada 14 Disember lalu.

Turut hadir, Pengerusi Majlis Tindakan OKU Selangor (MTOS), Fahda Nur Ahmad Kamar dan Timbalan Pengerusi MTOS merangkap Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UNISEL, Prof Madya Dr Hamdan Mohd Salleh.

Pada masa sama, Dr Siti Mariah turut menggesa pengamal media membantu menggerakkan agenda OKU secara bersepadu, selain menyebar luas kefahaman berkenaan hak golongan terbabit.

Beliau berkata, masyarakat harus dimaklumkan bahawa golongan berkenaan berhak mendapat peluang pendidikan, ruang sosial dan tidak dipisahkan daripada aktiviti kemasyarakatan.

Dr Mariah Mahmud (tengah) bergambar bersama peserta OKU ketika Majlis Perasmian Persidangan Kebangsaan Pemberdayaan OKU Selangor di MAEPS, Serdang pada 14 Disember lalu

"Media massa boleh bertindak dengan menyeru masyarakat memberikan sumbangan kepada golongan OKU yang memerlukan bantuan sama ada dari segi kewangan mahupun tenaga sukarelawan.

"Mereka (media massa) perlu bekerjasama dengan masyarakat di peringkat akar umbi bagi menerangkan kecacatan bukan penghalang dalam memberikan sumbangan bermakna kepada produktiviti dan kemajuan negara.

"Banyak individu cemerlang sudah berjaya meningkatkan nama baik negara dalam sukan contohnya, walaupun mereka mempunyai kecacatan dari aspek fizikal," katanya.

EDARAN SELANGOR

SILA JELASKAN BAYARAN CUKAI PETAK ANDA SEKARANG
SEBUAH MESEJ DARIPADA
PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR
Untuk maklumat lanjut sila lawati https://ptg.selangor.gov.my/
#SMARTSELANGOR

Empat bidang jadi pilihan

SITHAM terima 2,142 permohonan

OLEH **AFIX REDZUAN**

SHAH ALAM - Program Pembangunan Usahawan India Selangor (SITHAM) menerima 2,142 permohonan daripada masyarakat India seluruh negeri sejak dimulakan pada September lalu.

EXCO Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi, Rodziah Ismail berkata, menerusi permohonan itu bidang fotografi, jahitan, kimpalan dan gunting rambut menjadi pilihan kaum India untuk menceburi bidang keusahawanan.

"Menerusi empat bidang berkenaan, sebanyak 40 peserta melalui sesi bimbingan selama tiga bulan dengan empat syarikat dipilih Kerajaan Negeri.

"Kerajaan Negeri menerusi Hijrah Selangor yakin dengan bimbingan diberikan, peserta akan mampu untuk terus bekerja dengan syarikat bimbingan atau memulakan perniagaan sendiri.

"Pada saya, dalam bidang perniagaan kita memerlukan bimbingan dan kita juga bukan sekadar memberikan latihan tetapi peralatan untuk terus praktikkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyampaian Peralatan Program SITHAM (GROW) di Foyer Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) pada 13 Disember lalu.

Katanya, program ini turut menarik perhatian Kerajaan Persekutuan termasuk cara Selangor melakukan pemilihan peserta supaya individu yang layak memperoleh manfaat program ini.

Rodziah berkata, Kerajaan Negeri turut mengajak lebih banyak syarikat untuk bekerjasama dan berkongsi pengalaman kepada golongan yang baru menceburi bidang perniagaan.

"Terima kasih kepada Komuniti Kaum India (KKI) kerana melakukan tugas dengan mantap bertemu dan memantau perkembangan peserta.

"Justeru, kaum India diharap tidak ketinggalan dalam saingan kompetitif masa kini, sekali gus mampu meningkatkan taraf mereka daripada usahawan mikro ke pembangunan keusahawanan sederhana (PKS)," katanya.

Rodziah Ismail (tengah) bergambar bersama peserta selepas Majlis Penyampaian Peralatan Program SITHAM di Bangunan SUK, Shah Alam pada 13 Disember lalu

Pendapatan suku ketiga KWSP RM13.50 bilion

KUALA LUMPUR - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mencatatkan jumlah pendapatan pelaburan sebanyak RM13.50 bilion untuk suku ketiga berakhir 30 September 2019 berikutan ketidaktentuan pasaran sejak 2018.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan) KWSP, Datuk Mohamad Nasir Ab Latif berkata, portfolio ekuiti domestik KWSP menerima kesan akibat pertumbuhan pendapatan yang lemah dalam pasaran ekuiti domestik, sekali gus menyaksikan pasaran saham Malaysia menurun 5.3 peratus.

Bagi suku ketiga 2019, portfolio tersebut merekodkan pendapatan RM2.57 bilion.

"Keadaan pasaran lemah, ketidakpastian akibat perang perdagangan Amerika Syarikat (AS)-China, prospek perjanjian Brexit yang tidak menentu, pergolakan politik di Hong Kong dan ketegangan geopolitik di Timur Tengah telah menyumbang kepada ketidaktentuan ini.

"Pasaran baru muncul terus menerima tempias daripada perang perdagangan AS-China yang masih berlanjutan. Pasaran negara-negara di rantau Asia kekal tidak menentu dengan pasaran saham Hong Kong adalah yang paling lemah," katanya dalam kenyataan pada 16 Disember lalu.

Beliau berkata, KWSP terpaksa menghadapi persekitaran pasaran yang mencabar, termasuk kelembapan prestasi KLCI.

"Bagaimanapun, kepelbagaian portfolio KWSP yang merangkumi pendapatan pelaburan daripada aset luar negara, membantu mengurangkan impak ini," katanya.

Beliau berkata, kemerosotan perdagangan bukan sahaja telah menjejaskan pasaran ekuiti, malah menyumbang kepada kelembapan ekonomi global, dengan negara-negara yang bergantung kepada eksport di rantau ini seperti Malaysia, Singapura dan Thailand menerima impak paling ketara.

"Keadaan ini seterusnya menyumbang kepada kemerosotan keyakinan pengguna dengan Malaysia mencatatkan paras terendah sejak suku keempat 2017 berikutan kuasa membeli yang lebih rendah dan sektor pekerjaan yang diramal semakin lemah," katanya.

Beliau berkata, KWSP akan mengambil langkah berwaspada ke atas prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia berikutan peningkatan risiko geopolitik dijangka akan terus memberi tekanan ke atas ekonomi global.

"Sekiranya ketegangan perdagangan AS-China berlanjutan, ia akan terus memberi kesan secara langsung kepada ekonomi negara seperti kita yang bergantung kepada perdagangan," katanya. – BERNAMA

SILA JELASKAN BAYARAN
CUKAI PETAK
ANDA SEKARANG
SEBUAH MESEJ DARIPADA
PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR
Untuk maklumat lanjut sila lawati
https://ptg.selangor.gov.my/
#SMARTSELANGOR

Sidang Kemuncak KL 2019

Tiada hasrat ambil alih OIC

Tun Dr Mahathir Mohamad merasmikan prapelancaran Sidang Kemuncak KL 2019 di Yayasan Kepimpinan Perdana pada 21 November lalu. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019 tidak berhasrat mengambil alih peranan yang dimainkan oleh Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Dr Mahathir berkata, beliau mengambil peluang untuk menjelaskan perkara itu kepada Raja Salman Abdulaziz Al Saud dalam persidangan video dengan Raja Arab Saudi itu di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), venue Sidang Kemuncak KL 2019 yang berlangsung pada 18 sehingga 21 Disember.

Bercakap kepada pemberita selepas sesi persidangan video berkenaan, Dr Mahathir berkata Malaysia terlalu kecil untuk berbuat demikian.

Untuk rekod, antara matlamat penganjuran Sidang Kemuncak KL 2019 adalah untuk berbincang dan mencari penyelesaian baharu serta berkesan, dalam menyelesaikan masalah yang membelenggu dunia Muslim, selain berusaha menghidupkan semula tamadun Islam.

"Saya katakan bahawa jika Arab Saudi menganjurkan sidang kemuncak untuk berbincang perkara yang sama, kami sedia untuk kesana," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata dalam sidang video itu juga, Raja Salman turut menerangkan kepadanya faktor baginda tidak dapat menghadiri Sidang Kemuncak Kuala Lumpur.

Dr Mahathir berkata, Raja Salman berpendapat isu-isu melibatkan umat Islam lebih baik dibincangkan dalam mesyuarat penuh OIC berbanding dibincangkan oleh beberapa negara sahaja.

"Baginda berpendapat perkara seperti ini tidak sepatutnya dibincangkan antara dua atau tiga negara sahaja, patut ada mesyuarat OIC dan saya bersetuju dengannya," katanya.

Ditanya sama ada beliau tidak akan meneruskan sidang kemuncak itu pada masa akan datang, Perdana Menteri berkata ia telah diadakan beberapa kali sebelum ini tanpa melibatkan semua negara Islam.

"Kita ada perbincangan cendekiawan, dan ia okey. Tetapi yang ini kita nak besar sikit dan kita tak nak orang kata kita tak jemput," katanya.

Dalam kenyataan terdahulu, pejabat Perdana Menteri berkata, Sidang Kemuncak KL yang memasuki edisi kelima, adalah inisiatif pertubuhan bukan kerajaan, yang disokong kerajaan Malaysia.

– BERNAMA

Kes Altantuya: Permohonan Azilah didengar 20 April

PUTRAJAYA - Mahkamah Persekutuan menetapkan 20 April tahun depan untuk mendengar permohonan semakan bekas anggota Unit Tindakan Khas (UTK) Azilah Hadri terhadap sabitan dan hukuman mati ke atasnya kerana membunuh wanita Mongolia, Altantuya Shaariibuu.

Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Azniza Mohd Ali menetapkan tarikh itu selepas pengurusan kes di hadapannya di dalam kamar pada 17 Disember lalu.

Timbalan Pendakwa Raya, Norinna Bahadun dan Tengku Intan Suraya Tengku Ismail memberitahu media mahkamah memberi masa kepada kedua-dua pihak untuk memfailkan afidavit dan afidavit balasan kepada permohonan itu sebelum pendengaran pada 20 April.

Norinna berkata, pemohon (Azilah) memfailkan permohonan minggu lepas bersekali dengan afidavit yang mengandungi Akuan Bersumpah (SD) untuk menyokong permohonannya.

Beliau berkata, pendakwaan meneliti afidavit dan SD itu sebelum menjawab afidavit pemohon. Peguam J. Kuldeep Kumar, yang mewakili Azilah, mengesahkan anak guamnya memfailkan permohonan itu minggu lepas di bawah Peraturan 137 Peraturan-peraturan Mahkamah Persekutuan 1995 bersekali dengan SD.

Pada 17 Disember lalu, media menyiarkan berita di muka depan bahawa Azilah dalam SD itu, mendakwa arahan membunuh Altantuya dikeluarkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, yang ketika kejadian Timbalan Perdana Menteri. Beliau berkata, anak guamnya memohon mengetepikan sabitan dan hukuman mati yang dijatuhi Mahkamah Persekutuan pada 13 Januari 2015 dan suatu perintah bagi perbicaraan semula.

Azilah, 43, yang sedang menunggu hukuman mati di Penjara Kajang, memfailkan permohonan pada 5 Disember, tahun ini yang mengandungi SD setebal 32 muka surat. Sementara itu, peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, mewakili Najib, memberitahu media anak guamnya telah mengarahkan beliau supaya memfailkan permohonan untuk mencelah dalam permohonan semakan itu.

Peguam itu berkata Najib menafikan sekeras-kerasnya segala perkara yang didakwa (oleh Azilah) itu. Sementara itu, peguam Sangeet Kaur Deo, turut memberitahu media beliau akan memohon kepada mahkamah untuk menjadi peguam pemerhati bagi pihak keluarga Altantuya dalam permohonan itu.

Pada 13 Januari 2015, Mahkamah Persekutuan menolak pembebasan Azilah dan seorang lagi anggota UTK berhubung pembunuhan Altantuya, dan menjatuhi hukuman mati mandatori.

Mahkamah itu turut mengetepikan keputusan Mahkamah Rayuan yang membebaskan Azilah dan Sirul Azhar Umar kerana membunuh Altantuya serta mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam yang mendapati mereka bersalah dan menjatuhi hukuman mati terhadap mereka berdua.

Ketua Hakim Negara ketika itu, Tun Arifin Zakaria, yang mengetuai panel hakim pada masa itu, turut mengeluarkan waran tangkap ke atas Sirul Azhar, kerana tidak hadir di mahkamah.

Sirul Azhar, 47, berada di dalam sebuah pusat tahanan di Australia sejak beberapa tahun lepas setelah dia melarikan diri ke negara itu pada 2014 semasa dalam jaminan. – BERNAMA

Sekalung Tahniah

kepada

YAB Dato' Seri Amirudin Shari

Dato' Menteri Besar Selangor

atas pengurniaan
darjah kebesaran

Seri Paduka Mahkota Selangor
(S.P.M.S.)

daripada

MBI
Menteri Besar Selangor Incorporated

EDARAN DIGITAL SELANGORKINI

Sekalung Tahniah

kepada

YAB Dato' Seri Amirudin Shari

Dato' Menteri Besar Selangor

atas pengurniaan
darjah kebesaran

Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.)

daripada

K S S B

Kumpulan Semesta Sdn Bhd

EDARAN DIGITAL SELANGORKINI

SILA JELASKAN BAYARAN
CUKAI PETAK
ANDA SEKARANG
SEBUAH MESEJ DARIPADA
PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR
Untuk maklumat lanjut sila lawati https://ptg.selangor.gov.my/
#SMARTSELANGOR

Anugerah Hadiah Sastera Selangor satu permulaan

Sejak anugerah ini diperkenalkan pada 2015, ratusan penulis muda dapat mencuba bakat melalui akhbar SelangorKini. Walau nampak kecil, jika dibandingkan dengan anugerah lain di negara kita, Hadiah Sastera Selangor berjaya menyediakan satu lagi ruang untuk anak muda meneroka, menguji idea melalui cerpen, puisi dan esei.

Namun, usaha ini masih jauh daripada memuaskan. Hasrat kita bukan sekadar memilih pemenang sebagai jaguh kampung tetapi perlu menyedari pentingnya kesusasteraan dalam pengekalan budaya kita dan juga peri mustahaknya bidang kreatif ini dalam persuratan dunia.

Sastera itu bukan sekadar luahan bahasa yang berestetika. Sastera jauh lebih luas. Ia berada dalam ekologi budaya yang saling berkaitan, termasuk bahasa, persuratan umumnya, media, falsafah, politik, sejarah dan keragaman wacana semasa.

Kerencaman inilah yang menentukan tanda aras sama ada sastera kita, khususnya melalui Hadiah Sastera Selangor, dapat mengungkap semua itu dengan tajam dan bernas. Atau, penulis kita hanya mengambil sisi-sisi tertentu sahaja secara luaran dan cebisan.

Sastera kita dikaitkan dengan bahasa Melayu. Tetapi bahasa itu hangat diperdebatkan orang, sama ada ia sudah cukup kaya untuk merangkul semua simpang siur budaya, falsafah dan idea yang sedang rancak dibicarakan di seluruh dunia.

Dalam bidang sains dan teknologi misalnya, yang sangat pesat berkembang, dari kajian otak hingga fizik objek langit, cukupkah kosa kata yang sarat konsep itu disalurkan melalui bahasa Melayu? Memadaikah perkembangan ilmu-ilmu ini disampaikan melalui akhbar, majalah atau buku kita?

Dan sebagai insan kreatif, apakah sasterawan, seniman dan budayawan kita mampu menangkap semua pergolakan konsep sains dan teknologi itu, kemudian mengolahnya menjadi karya atau tulisan yang bernas dan tajam?

Dengan kata lain, bersediakah insan kreatif kita menjadi jurubicara persoalan rumit ini agar dapat dihadam khayalak pembaca kita? Cukupkah sastera dan seni kita menjadi medan menyampaikan pergolakan dan simpang siur idea setaraf perkembangan sejagat?

Kita sedar cabaran berat ini bukan untuk digalas penulis, seniman dan sasterawan sahaja. Namun, ekologi idea dan lingkungan budaya kita seluruhnya termasuk di akhbar, televisyen dan malah media sosial wajar saling menggalas cabaran besar ini.

> **“ Sastera itu bukan sekadar luahan bahasa yang berestetika. Sastera jauh lebih luas. Ia berada dalam ekologi budaya yang saling berkaitan, termasuk bahasa, persuratan umumnya, media, falsafah, politik, sejarah dan keragaman wacana semasa.**

Maka, Hadiah Sastera Selangor dalam konteks ini hanya satu langkah kecil daripada perjalanan kita yang masih jauh dan panjang. Peluang sedikit ini melalui akhbar SelangorKini wajar juga dikembangkan tetapi penulis baru sendiri harus bersedia untuk memikul beban cabaran ini.

Penulis muda harus membentuk persekitaran yang mampu mempelajari, membahas dan mendalami pelbagai idea dunia. Bukan sekadar dalam konsep, idea atau falsafah tetapi bagaimana ia dijelmakan dalam bentuk produk fizikal dan budaya.

Saya ingin mencadangkan agar SelangorKini membantu penulis muda atau bakat baru ini untuk menghasil karya yang lebih tajam dan bernas. Bukan sekadar bengkel latihan teknikal penulisan tetapi juga perbahasan idea-idea yang sedang dibincangkan di pentas dunia.

Saya juga ingin menyarankan penganjur majlis ini, SelangorKini dan Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB) agar dapat mengembangkan lagi Hadiah Sastera Selangor. Mungkin, kita boleh menambah beberapa kategori baru, misalnya karya terjemahan dan skrip lakon pentas.

Mungkin SelangorKini boleh bekerjasama dengan media lain atau organisasi lain untuk menampung karya-karya yang diterbitkan oleh mereka. Tokoh-tokoh sastera dan budayawan kita yang hadir di sini tentunya dapat membantu menjayakan hasrat kita ini.

Ucapan pada Majlis Anugerah Hadiah Sastera Selangor 2019

1

2

3

4

5

Dirgahayu Tuanku

Gambar terpilih sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-74
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah

6

7

8

9

1. Sultan dan Tengku Permaisuri Norashikin bersama rakyat ketika Majlis Jamuan Teh Diraja di Istana Alam Shah, Klang
2. Sultan dan Tengku Permaisuri bersemayam di atas singgahsana sewaktu Istiadat Pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran Negeri Selangor Darul Ehsan
3. Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari menyampaikan sembah ucapan taat setia
4. Tengku Panglima Besar Selangor, Tengku Abdul Samad Shah menyembahkan air doa selamat di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam
5. Majlis bacaan doa sempena selesai Istiadat Menyembahkan Air Doa Selamat
6. Istiadat Pemeriksaan Kawalan Kehormat Utama di Istana Alam Shah, Klang
7. Baginda menyiram air mawar ketika Majlis Menziarahi Makam Diraja Klang
8. Berkenan menerima cenderamata sempena hari keputeraan baginda ketika Majlis Jamuan Teh Diraja di Istana Alam Shah, Klang
9. Baginda di Majlis Santapan Malam Bersama Ahli Dewan Diraja Selangor

EDARAN SELANGOR

Tonton TVSelangor
selangortv.my

Atlet Muay Thai cemerlang

Anak jati Jalan Kebun sumbang perak Sukan SEA

OLEH **NORHAYATI UMOR**

SHAH ALAM - Anak jati Kampung Jalan Kebun, Hatem Rumijam antara atlet Muay Thai yang berjaya membawa pulang pingat perak dalam Sukan SEA ke-30 di Filipina, baru-baru ini.

Kejayaan itu sekali gus membanggakan Ahli Dewan Negeri (ADN) Sungai Kandis, Mohd Zawawi Ahmad Mughni yang mengucapkan tahniah kepadanya atas kesungguhan dan perjuangan hebat mengharumkan negara.

"Tahniah dan penghargaan kepada Hatem yang merupakan anak jati Kampung Jalan Kebun dan pasukan Muay Thai atas kesungguhan serta perjuangan hebat mengharumkan nama negara," katanya.

Mohd Zawawi berkata, beliau komited untuk membantu Kelab Muaythai Jalan Kebun dalam melahirkan lebih ramai atlet bertaraf dunia dengan beberapa program insentif dan pembangunan sukan.

"Tahniah kepada ibu bapanya yang berjaya mendidik lima anak mereka dalam bidang ini hingga peringkat antarabangsa," katanya.

Tahniah dan penghargaan kepada Hatem yang merupakan anak jati Kampung Jalan Kebun dan pasukan Muay Thai atas kesungguhan serta perjuangan hebat mengharumkan nama negara

MOHD ZAWAWI AHMAD MUGHNI
Ahli Dewan Negeri (ADN) Sungai Kandis

Dalam sukan SEA di Manila baru-baru ini, pasukan Muay Thai Malaysia membawa pulang satu pingat emas, dua pingat perak dan dua gangsa.

Mohd Zawawi Ahmad Mughni (empat, kanan) menyambut kepulangan Hatem Rumijam (tiga, kanan) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 10 Disember lalu

مجليس بندرايا ڤتالينج جاي
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)
PUBLISITI DI BAWAH SEKSYEN 12A

NOTIS PEMBERITAHUAN PUBLISITI BERKAITAN DENGAN PENYEDIAAN AWAL DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS SEKSYEN 13, PETALING JAYA (PENGUBAHAN 1) YANG BOLEH DIDAPATI UNTUK DIPERIKSA.

PENYEDIAAN RANCANGAN KAWASAN KHAS SEKSYEN 13, PETALING JAYA (PENGUBAHAN 1)

ADALAH DENGAN INI DIBERI NOTIS bahawa Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) adalah berhasrat untuk menyediakan suatu draf Rancangan Kawasan Khas Seksyen 13, Petaling Jaya (Pengubahan 1).

DAN menurut Seksyen 12A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, MBPJ hendaklah mengambil apa-apa langkah yang pada pendapat MBPJ akan memastikan :

"(a) bahawa publisiti diberikan di dalam kawasannya mengenai draf rancangan kawasan khas yang akan disediakan, matlamatnya dan maksud bagi penyediaannya, dan perkara yang pihak berkuasa perancang tempatan bercadang untuk memasukkannya ke dalam rancangan itu;

(b) bahawa orang yang mungkin dijangkakan ingin mendapatkan peluang untuk membuat representasi kepada pihak berkuasa perancang tempatan itu berkenaan dengan perkara itu menyedari bahawa mereka berhak mendapat, dan diberi, peluang untuk berbuat demikian."

MAKA DENGAN INI pihak-pihak yang berkenaan adalah dipelawa dan bolehlah membuat pemeriksaan kepada perkara-perkara yang MBPJ bercadang untuk mengambil kira di dalam penyediaan awal Draf RKK Seksyen 13, Petaling Jaya (Pengubahan 1) dan seterusnya bolehlah membuat representasi kepada MBPJ berhubung dengan penyediaan tersebut mulai 17 Disember 2019 hingga 17 Januari 2020 di Lobi Menara Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Jalan Tengah, 46675 Petaling Jaya pada waktu pejabat.

995 pelajar DUN Batu Tiga terima bantuan

SHAH ALAM - Seramai 995 pelajar sekolah di Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Tiga menerima sumbangan wang tunai, beg dan kelengkapan sekolah bagi memulakan sesi persekolahan pada tahun hadapan.

Ahli Dewan Negerinya, Rodziah Ismail berkata, bantuan itu bertujuan meringankan beban keluarga terutama kepada golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) untuk menyediakan keperluan anak-anak mereka.

"Sumbangan Ceria Ke Sekolah berupa bantuan RM200 dan baucar RM70 setiap seorang kepada 100 pelajar yang boleh ditebus di Pasaraya Hari-Hari bagi mendapatkan barangan persekolahan.

"Manakala Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), seramai 895 pelajar menerima sumbangan memfokuskan kepada mereka yang sudah memulakan sesi persekolahan iaitu pelajar yang lahir selepas 2012, layak menebus bantuan berbentuk beg sekolah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Ceria Ke Sekolah dan TAWAS peringkat DUN Batu Tiga di Dewan Beringin di sini pada 15 Disember lalu.

Rodziah yang juga EXCO Kerajaan Negeri berkata, kedua-dua kategori sumbangan ditaja Tenaga Nasional Berhad dengan menjadikan DUN Batu Tiga sebagai salah satu kawasan untuk Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Rodziah Ismail menyampaikan sumbangan kepada penerima ketika Majlis Sumbangan Ceria ke Sekolah dan TAWAS di Dewan Beringin, Shah Alam pada 15 Disember lalu

"Program ini juga menekankan tiga aspek utama iaitu ASK bermaksud Attitude, Skills and Knowledge (Sikap, Kemahiran dan Pengetahuan) supaya dididik ibu bapa kepada anak-anak," katanya.

Turut hadir, Pengurus Besar Korporat TNB, Datuk Omar Sidek dan Ketua Pegawai Korporat Sutera Sdn Bhd (CANGGIH), Erfino Johari.

Program terbabit dianjurkan bersama TNB dan Majlis Ahli-Ahli Backbencher Parlimen Malaysia.

EDARAN SELANGOR

ADVERTORIAL

KSSB rangkul Anugerah 2nd ASEAN Mineral Awards

OLEH **NADIAH ZAMLUS**

SHAH ALAM - Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) berjaya mengharumkan nama Selangor juga Malaysia apabila merangkul Anugerah 2nd ASEAN Mineral Awards di Bangkok, Thailand, pada 13 Disember lalu.

Anak syarikat Kerajaan Negeri itu berjaya mendapat tempat pertama menerusi kategori Amalan Terbaik Dalam Pembangunan Mineral yang Mampan (Pengedaran Mineral Bukan Logam).

Ketua Pegawai Kewangan KSSB, Mohamed Fariz bin Ghazali berkata, kemenangan itu dianggap bersejarah kerana mereka menewaskan syarikat-syarikat perlombongan lain dari rantau ASEAN.

"Kami sangat bersyukur dan berbesar hati kerana dapat membawa pulang anugerah yang berprestij ini ke Malaysia.

"Pengiktirafan dan pencapaian ini sekali gus membuktikan segala proses dan prosedur kerja kami diterima serta diiktiraf oleh penggiat industri perlombongan di ASEAN sebagai amalan terbaik di rantau ini.

> **Pengiktirafan dan pencapaian ini sekali gus membuktikan segala proses dan prosedur kerja kami diterima serta diiktiraf oleh penggiat industri perlombongan di ASEAN sebagai amalan terbaik di rantau ini**
>
> ***MOHAMED FARIZ BIN GHAZALI***
> ***Ketua Pegawai Kewangan KSSB***

"Piawaian dan komitmen terhadap kecemerlangan serta integriti adalah kunci kejayaan kami," katanya.

Fariz berkata, kesemua finalis dipilih pada Ogos lalu serta perlu membuat perbentangan akhir di hadapan Ahli Lembaga Pengadil bersempena dengan Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN Bagi Bahan Mineral (ASSOM) pada 11 Disember 2019 di Bangkok, Thailand. Katanya, KSSB beroperasi sejak 2008 dan dipertanggungjawabkan dalam menguruskan pengekstrakan, pengeluaran dan pengedaran jualan pasir.

"Selain itu, kami juga ditugaskan menjaga bahan batuan dan sumber mineral, dengan berobjektif untuk mempromosikan operasi perlombongan pasir yang mampan di Selangor.

"Pada masa sama, KSSB berharap negeri ini menjadi pengeluar produk pasir dan bahan batuan yang terbesar di Malaysia," katanya.

EDARAN SELANGOR DIGITAL

Tonton **TVSelangor**
selangortv.my

Wadah utama sastera

Hadiah Sastera Selangor (HSS) kali keempat berjaya menyediakan landasan untuk pengkarya meneroka luahan kreatif mereka melalui cerpen, sajak dan esei.

HSS adalah cetusan idea Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari ketika beliau memegang jawatan EXCO Kebudayaan Kerajaan Negeri pada 2015.

Menerima sambutan yang semakin hangat sekitar 500 hingga 600 bahan penyertaan, termasuk dari luar negara, SelangorKini menilai lebih 100 karya.

Bagi setiap kategori, pemenang utama membawa pulang wang tunai RM5,000, sementara empat pemenang penghargaan menerima RM1,000 setiap seorang.

Kesemua mereka diraikan dalam majlis anugerah Hadiah Sastera Selangor 2019 di Shah Alam pada 16 Disember lalu.

Pada majlis sama, Amirudin turut melancarkan himpunan karya pemenang HSS 2018 yang berjudul Si Pena III.

Berikut senarai pemenang (dan tajuk karya mereka) mengikut kategori dipertandingkan.

CERPEN

PEMENANG UTAMA

NASSER MIKRAJ
(Pasca Percintaan)

Hadiah Penghargaan

HAIZIR OTHMAN
(Lili)

AZRIN FAUZI
(Kerusifiksyen: Tentang Mengarang Cereka di Atas Kerusi)

ANAS MOHD
(Untuk Serasi, Kau Tak Perlukan Wajah yang Molek)

LOKMAN HAKIM
(Hari Itu, Politik Cuti Sakit)

SAJAK

PEMENANG UTAMA

AZIZ ZABIDI
(Sajak Untuk Sebuah Mei)

Hadiah Penghargaan

HAFIZ HAMZAH
(Perempuan, Sihirku)

FAHD RAZY
(Catatan Yang Direnyuk ke Dalam Kasut Seorang Politikus)

MEOR IZZAT MOHAMAD
(Hujan, Bagimu Bau dan Bagiku Pemuzik Yang Menukik Kepalaku)

AB NURMALA
(Kemarau di Hujung Waktu)

ESEI

PEMENANG UTAMA

ABDULLAH HUSSAINI MOHD GHAZALI
(Evolusi Peribahasa, dari Unsur Alam ke Teknologi)

Hadiah Penghargaan

NAZREEN COKLAT
(Kompleksiti Cinderella Kental Dalam Novel Popular)

ROSLAN JOMEL
(Disiplin Kritikan dan Sikap Penulis)

HANIFF YUSOF
(Realisme Magis Dalam Pencerekaan Azrin Fauzi)

ABIZAI
(Menukang Puisi Tidak Semudah Bermain Domino)

DARI ATAS

1 Pelancaran buku 'Si Pena III'

2 Dato' Menteri Besar beramah mesra dengan barisan juri

3 Persembahan nyanyian Man Bai dan **4** Atilia

5 Deklamasi sajak oleh Hidayu Hatta

EDARAN SELANGOR

Sekalung Tahniah

Y.A.B DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI S.P.M.S.
Dato' Menteri Besar Selangor

di atas pengurniaan pingat

DARJAH SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.)

yang membawa gelaran

DATO' SERI

daripada

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K. (TERENGGANU), D.K. (KELANTAN), D.K. (PERAK), D.K. (PERLIS), D.K. (NEGERI SEMBILAN), D.K. (KEDAH), D.K. (JOHOR), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

Bersempena

ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KE-74

Pada

11 DISEMBER 2019

Iklhas daripada

PENGERUSI, LEMBAGA PENGARAH, PENGURUSAN DAN KAKITANGAN
KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BERHAD
(197501002218)

EDARAN DIGITAL SELANGORKINI

Tonton TVSelangor
selangortv.my

MPSJ dinaik taraf, kini berstatus bandar raya

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dinaik taraf menjadi bandar raya ketiga di Selangor selepas Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari berkata, selain MPSJ, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) turut diberi kelulusan untuk dinaik taraf sebagai majlis perbandaran selepas ini.

"Semalam (17 Disember) kita telah mendapat pengesahan bahawa MDKL telah dipersetujui dan diluluskan Kabinet untuk diangkat sebagai Majlis Perbandaran Kuala Langat.

"Ketika saya bertemu Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Yang Berhormat Zuraida Kamaruddin, beliau secara peribadi menyampaikan maklumat itu.

"Kali ini bukan secara lisan tetapi dengan surat Kabinet yang bersetuju menaik taraf MPSJ kepada Majlis Bandaraya Subang Jaya sebagai mana yang kita gariskan dan cadangkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Apresiasi Dato' Menteri Besar Bersama Ketua-Ketua Jabatan & Agensi Kerajaan Negeri di Dewan Megawati di Kediaman Rasmi Menteri Besar Selangor di sini, pada 17 Disember lalu.

Amirudin berkata, pencapaian itu sejajar dengan sasaran 2019 Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kualiti dan taraf pihak berkuasa tempatan di Selangor.

Katanya, selain itu, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) juga bakal dinaik taraf kepada Majlis Perbandaran Kuala Selangor.

Bagaimanapun, katanya, MDKS pada masa ini sedang giat melengkapkan beberapa kriteria sebelum permohonan dimajukan ke peringkat lebih tinggi.

Mohd Sayuthi Bakar (tengah) bergambar bersama wakil 17 komuniti ketika Majlis Anugerah Komuniti Mampan 2019 pada 12 Disember lalu

MBPJ komited wujudkan Masyarakat Pintar

RM215,000 realisasi komuniti mampan

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengagihkan dana RM170,000 kepada 17 komuniti 'champion' bagi membantu menggerakkan projek pembangunan mampan di kawasan masing-masing.

Sebanyak 15 lagi komuniti menerima saguhati dengan peruntukan RM45,000.

Dato' Bandar Petaling Jaya, Dato' Mohd Sayuthi Bakar berkata, peruntukan terbabit adalah usaha mempersiapkan kawasan MBPJ ke arah lebih sejahtera dan makmur seperti dilaungkan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Kami akan membantu semua komuniti terpilih ini untuk membina kolobrasi dengan sektor swasta, badan korporat dan pemegang taruh bagi melaksanakan projek di kawasan masing-masing agar lebih komprehensif, berkembang dan membawa impak.

"Ia sekali gus mampu mewujudkan Masyarakat Pintar (Smart People) di Petaling Jaya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Anugerah Komuniti Mampan 2019 di Dewan Sivik MBPJ pada 12 Disember lalu.

Antara komuniti `champion' yang terpilih ialah Persatuan Penduduk Blok 3 Desa Mentari, Persatuan Penduduk PJS1 South Avenue, Persatuan Penduduk Kampung Selamat, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Abdul Samad dan Childline Foundation.

Setiap komuniti `champion' itu menerima dana RM10,000. MBPJ memperuntukkan dana keseluruhan RM215,000 untuk projek pembangunan mampan di bawah pentadbirannya.

Sementara itu, antara komuniti yang diberi saguhati bagi projek pembangunan mampan ialah komuniti SMK Perempuan Taman Petaling, SMK Assunta, SMK Damansara Jaya, Safe Kids Malaysia Universiti Putra Malaysia dan Sekolah Kebangsaan Sri Kelana diberi saguhati.

Setiap komuniti terbabit menerima dana RM3,000.

Pada masa sama, Mohd Sayuthi menyeru semua ahli majlis MBPJ memainkan pernanan lebih agresif bagi menggalakkan komuniti di setiap kawasan menjuarai wawasan matlamat pembangunan mampan seiring dengan situasi global dan masa kini.

Tubuh pasukan khas pantau kilang haram

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan mengambil tindakan terhadap pemilik kilang haram dan pemilik berdaftar tanah yang ingkar dengan arahan Kerajaan Negeri.

Datuk Bandarnya, Dato' Haris Kasim berkata, pihaknya menubuhkan pasukan tindakan khas bagi Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran untuk memantau, menyelaras dan melakukan tindakan perobohan.

Katanya, tindakan itu akan diambil mengikut Akta 172 Perancang Bandar dan Desa 1976; Akta 133 Jalan, Parit dan Bangunan 1974 serta 171 Akta Kerajaan Tempatan.

"Pasukan tindakan khas ini akan melaporkan semua tindakan yang dijalankan kepada satu jawatankuasa khas program pematuhan syarat dan penguatkuasaan kilang haram.

"Kita juga bertanggungjawab untuk menyelaras dan menjalankan bancian terkini kilang haram yang dibina dan beroperasi sebelum 28 Ogos 2019," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Sesi Dialog Kali Ketiga Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran, di Dewan Rafflesia Seksyen U16, pada 16 Disember lalu.

Haris berkata, selain bertanggungjawab menyelaras dan melaksanakan tindakan perobohan, pasukan itu juga perlu memberi penerangan serta hebahan kepada pemilik tanah dan pengusaha kilang.

Kita juga bertanggungjawab untuk menyelaras dan menjalankan bancian terkini kilang haram yang dibina dan beroperasi sebelum 28 Ogos 2019

HARIS KASIM
Datuk Bandar Shah Alam

"Justeru, kita memohon semua pemilik kilang haram ini untuk mematuhi segala yang sudah ditetapkan sebelum pihak kami mengambil sebarang tindakan tegas," katanya.

Terdahulu, Kerajaan Negeri menggariskan dasar baharu bagi kilang yang beroperasi tanpa kebenaran.

Kaedah pelaksanaan Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran itu terdiri daripada dua peringkat iaitu tindakan penguatkuasaan dan tempoh pemutihan serta penawaran insentif.

ADVERTORIAL

Acara baharu rancakkan

LigaSukanKSSB2020

Sukan yang dipertandingkan

- E-Sukan
- Memancing
- Paintball
- Bola Tampar
- Badminton
- Ping pong
- Go-kart
- Boling
- Futsal

OLEH **AFIX REDZUAN**

Ibu Pejabat Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) mengungguli Liga Sukan KSSB 2019 apabila muncul juara dengan mengutip 62 mata sekali gus menewaskan pesaing terdekat, Pemerbadanan Menteri Besar (MBI).

MBI di tempat kedua dengan kutipan 58 mata, Selpump & Machineries Sdn Bhd (SMSB) ketiga (54 mata) sementara KSSB Selatan dan KSSB Utara masing-masing mengumpul 48 mata di tempat keempat serta kelima.

Pengurus Kanan Perhubungan Awam dan Hal Ehwal Korporat KSSB, Abd Wahab Nordin berkata, Liga Sukan KSSB dianjurkan sebagai medium mengeratkan lagi semangat ukhuwah antara kakitangan selain menggalakkan gaya hidup sihat.

"Objektif kami untuk memastikan aktiviti sukan sentiasa dijadikan aktiviti utama buat setiap kakitangan supaya mereka cergas dan sihat dalam kehidupan seharian.

"Saya berpuas hati dengan sambutan diterima daripada semua pihak terlibat sepanjang liga sukan tersebut dijalankan," katanya.

Penganjuran edisi keempat menyaksikan acara boling adalah sukan penutup liga yang diadakan di Wangsa Bowl, One Utama, Bandar Utama pada 8 Disember lalu.

Dalam perkembangan sama, Ketua Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Audit KSSB, Mohd Zainon Samingun memaklumkan bahawa Liga Sukan KSSB akan diteruskan pada masa akan datang.

Katanya, untuk menambahkan kemeriahan liga sukan tersebut, KSSB menyasarkan penambahan beberapa acara sukan baharu yang unik serta belum pernah dipertandingkan seperti perahu naga dan kanu pada tahun hadapan.

"Tahun ini, kami telah buat pembaharuan dengan memperkenalkan acara e-sukan dan memancing, dan terbukti telah menambahkan kerancakkan liga sukan tahun ini.

"Selain itu, enam acara sukan seperti bola tampar, paintball, ping pong, go-kart, badminton dan boling adalah antara acara wajib sejak 2016 lagi," katanya.

Juara keseluruhan – KSSB Ibu Pejabat

Juara tahun 2018 – KSSB Utara

Juara 3 kali – KSSB Ibu Pejabat (2016, 2017 & 2019)

Olahragawan 2019 – Mohd Akmal Nazwan A. Aziz (MBI)

Olahragawati 2019 – Siti Norwahida Ahmad (KSSB Ibu Pejabat)

Tonton **TVSelangor**
selangortv.my

Makanan tengah hari percuma

Peserta tuisyen terus dibantu

OLEH **NADIAH ZAMLUS**

Dato' Seri Amirudin Shari bersama penerima sempena Program Kembali ke Sekolah di Dewan Indian Settlement, Batu Caves pada 15 Disember lalu.

BATU CAVES - Pelajar Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) bakal menikmati makanan tengah hari percuma bermula tahun hadapan.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari berkata, ia bagi memastikan pelajar mendapatkan khasiat makanan secukupnya setelah berada di sekolah sehingga lewat petang.

Katanya, bantuan itu juga bertujuan membantu mengurangkan kos tambahan kepada keluarga kurang berkemampuan.

"Sebelum ini ketika PTRS dijalankan, ada ibu bapa dari keluarga kurang berkemampuan memaklumkan mereka terpaksa menambah kos makan tengah hari sekiranya anak-anak berada di sekolah sehingga lewat petang.

"Maka menjelang tahun depan, mereka tidak perlu risau lagi akan perkara itu dan anak-anak juga akan belajar dengan lebih tenang serta selesa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Kembali Ke Sekolah anjuran Persatuan Penduduk Indian Settlement Batu Caves dengan kerjasama Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri Sungai Tua di sini pada 15 Disember lalu.

Pada program itu, Amirudin yang juga Ahli Dewan Negeri kawasan itu menyerahkan sumbangan beg sekolah kepada 100 pelajar India.

Terdahulu, menerusi Belanjawan #Selangor 2020, Kerajaan Negeri mengumumkan sebanyak RM10 juta diperuntukkan buat PTRS melalui pendanaan khusus Pemerbadanan Menteri Besar Selangor dan Kumpulan Perangsang Selangor.

Pada 13 November lalu, Amirudin turut memaklumkan PTRS akan membantu pelajar sekolah yang tercicir dalam akademik kerana terpaksa bekerja.

Menurut rekod, 183 pelajar sekolah menengah tidak meneruskan pengajian kerana perkara berkaitan.

"PTRS boleh dilaksana pada waktu fleksibel tertakluk kepada masa ditetapkan sekolah masing-masing.

"Di samping itu, program ini juga dilaksana kepada pelajar berasal daripada keluarga berpendapatan rendah," katanya.

LZS agih bantuan persekolahan

RM32.9 juta biaya 65,956 anak asnaf

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) memperuntukkan RM32.9 juta kepada 30,718 ketua keluarga asnaf fakir dan miskin bagi membiayai persiapan persekolahan sesi 2020.

LZS menerusi kenyataan di Facebook memaklumkan, bantuan itu diagihkan setiap tahun bertujuan meringankan bebanan golongan terbabit terutama bagi persediaan kelengkapan sekolah anak mereka.

Katanya, pengagihan itu membabitkan 65,956 anak asnaf fakir dan miskin bermula daripada peringkat pra sekolah hingga menengah.

"Melalui bantuan ini, setiap pelajar Sekolah Rendah Kebangsaan menerima RM170 dan pelajar Sekolah Rendah Agama RM150 seorang.

"Manakala pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan pula menerima RM200 seorang," katanya.

Kenyataan itu turut memaklumkan, kesemua kelengkapan persekolahan itu boleh diperolehi di Pasar Raya Borong Sakan, Econsave Cash & Carry, Tesco, Canggih dan Jakel terpilih sekitar Selangor.

Katanya, ketua keluarga boleh mula membuat penebusan mulai 13 Disember dengan hanya perlu mengemukakan MyKad sebagai rujukan sebelum menebus kelengkapan persekolahan.

TH rangka pelan tambah baik perkhidmatan haji

KUALA LUMPUR - Lembaga Tabung Haji (TH) merangka pelan tindakan (blueprint) untuk tempoh lima tahun hingga 2024 bagi menambah baik mutu perkhidmatan dan operasi haji yang dikendalikan institusi itu.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Nik Mohd Hasyudeen Yusoff berkata, pelan tindakan yang julung kali diperkenalkan itu dijangka siap pada suku pertama tahun depan, akan membolehkan TH membuat perancangan awal seiring pembangunan di Makkah dan Madinah.

"Di Tanah Suci ada banyak perubahan fizikal seperti hotel lama yang diruntuhkan, dibina baharu, ada juga penempatan-penempatan baharu, dan ia memerlukan TH untuk menilai perkhidmatan yang diberikan.

"Sebagai contoh, hotel-hotel kita terletak 950 meter dari Masjidil Haram, dan sekiranya makin jauh akan beri implikasi kepada jemaah," katanya dalam sidang media baru-baru ini.

Jelas beliau, pelan tindakan itu turut mengambil kira Visi 2030 Arab Saudi khususnya yang melibatkan pembangunan dan pembaharuan di Tanah Suci bagi membolehkan TH terus meningkatkan perkhidmatan haji.

Pada masa ini, Nik Mohd Hasyudeen berkata TH sedang mengumpul maklumat dan pandangan daripada pihak-pihak berkepentingan untuk merealisasikan pelan tindakan tersebut.

Mengenai sama ada perubahan di Tanah Suci akan memberi kesan kepada kos pengurusan haji, beliau berkata ia cabaran buat TH untuk mencari kaedah terbaik dalam menyediakan perkhidmatan berkualiti.

"Satu cabaran pada kami sebab kita tahu kos sentiasa meningkat tapi kita kena cabar diri sama ada terdapat kaedah lain yang boleh diambil namun memberi kesan kepada perkhidmatan. Contohnya, kalau jarak lebih jauh dari hotel, bagaimana pula kesan daripada segi jemaah yang nak pergi masjid, perlu ada bas ke, atau macam mana?

"Perkara seperti ini yang kita kena perhalusi dengan mengambil kira umur jemaah, kemudahan mereka untuk bergerak, tak boleh ambil jalan mudah yang kemudiannya apabila jemaah sampai ke sana mereka hadapi kesukaran," katanya. -BERNAMA

PKNS-TNB bantu golongan miskin

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) berganding bahu merealisasikan hasrat golongan asnaf memiliki kediaman yang lebih selesa.

Ketua Pegawai Korporat PKNS, Siti Zubaidah Abd Jabar berkata, kerjasama yang pertama kali itu sebagai langkah membantu golongan kurang bernasib baik di Selangor meningkatkan kualiti hidup masing-masing.

"Kami komited dan sentiasa mencari peluang bekerjasama dengan agensi kerajaan mahupun syarikat korporat dalam membantu meningkatkan taraf hidup golongan yang memerlukan terutamanya membabitkan asnaf di negeri ini.

"Oleh itu, PKNS berbesar hati apabila TNB sudi menawarkan untuk bekerjasama dan berkongsi aspirasi sama membantu asnaf," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Penyerahan Program Baiti Jannati (PBJ) dan Projek Mesra Rakyat (PMR) peringkat Selangor di Ibu Pejabat PKNS pada 13 Disember lalu.

Hadir sama Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman dan Pengurus Besar Hal Ehwal Korporat TNB, Datuk Omar Sidek.

Pada program berkenaan, seramai enam keluarga menerima bantuan PBJ manakala satu keluarga menerima bantuan menerusi PMR.

Bantuan PBJ membabitkan golongan asnaf beragama Islam manakala bantuan PMR buat penerima dalam kalangan bukan Islam.

Siti Zubaidah berkata, pada program kali ini, TNB mengeluarkan RM226,925.55 bagi membayar tunggakan sewa rumah enam penghuni Flat Seri Perantau Port Klang.

Katanya, pada 2014, PKNS menerusi program Kasih PKNS membantu sembilan asnaf fakir miskin membayar tunggakan sewa rumah.

"Bantuan itu menggunakan peruntukan wang zakat PKNS yang kesemuanya berjumlah lebih RM98,000 bagi menyelesaikan tunggakan sewa," katanya.

Katanya, pada 2015, PKNS turut menghulurkan bantuan bagi membiayai kos pembelian rumah sembilan asnaf fakir miskin juga menerusi wang zakat PKNS.

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
19 Khamis	5:48	5:58	7:10	1:13	4:35	7:10	8:25
20 Jumaat	5:48	5:58	7:11	1:13	4:36	7:10	8:25
21 Sabtu	5:50	6:00	7:11	1:14	4:36	7:11	8:26
22 Ahad	5:50	6:00	7:12	1:14	4:37	7:11	8:26
23 Isnin	5:51	6:01	7:12	1:15	4:37	7:12	8:27
24 Selasa	5:51	6:01	7:13	1:15	4:38	7:12	8:27
25 Rabu	5:52	6:02	7:13	1:16	4:38	7:13	8:28

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
12 Khamis	5:49	5:59	7:09	1:12	4:35	7:08	8:23
13 Jumaat	5:49	5:59	7:09	1:13	4:35	7:08	8:23
14 Sabtu	5:50	6:00	7:10	1:13	4:36	7:09	8:24
15 Ahad	5:50	6:00	7:10	1:14	4:36	7:09	8:24
16 Isnin	5:51	6:01	7:11	1:14	4:37	7:10	8:25
17 Selasa	5:51	6:01	7:11	1:15	4:37	7:10	8:25
18 Rabu	5:52	6:02	7:12	1:15	4:37	7:11	8:26

Klang dan Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
19 Khamis	5:49	5:59	7:11	1:13	4:36	7:11	8:26
20 Jumaat	5:49	5:59	7:11	1:14	4:37	7:11	8:26
21 Sabtu	5:50	6:00	7:12	1:14	4:37	7:12	8:27
22 Ahad	5:50	6:00	7:12	1:15	4:38	7:12	8:27
23 Isnin	5:51	6:01	7:13	1:15	4:38	7:13	8:28
24 Selasa	5:51	6:01	7:13	1:16	4:39	7:13	8:28
25 Rabu	5:52	6:02	7:14	1:16	4:39	7:14	8:29

EDARAN SELANGOR DIGITAL

Sekalung Tahniah

Y.A.B. DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Di atas Pengurniaan Pingat Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S)
yang membawa gelaran Dato' Seri
bersempena

Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-74

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ
D.K.,D.M.N.,D.K.(Terengganu).,D.K.(Kelantan).,D.K.(Perak)., D.K.(Perlis)., D.K.(Negeri Sembilan)., D.K.(Kedah)., D.K.(Johor)., S.P.M.S.,S.S.I.S.,S.P.M.J.

Pada 11 Disember 2019 *Bersamaan* 14 Rabiulakhir 1441H

Ikhlas daripada:
Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurusan serta Warga Kerja

PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD
(206347-V)

serta Anak-Anak Syarikat

Tingkat 24 & 25, Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor. Tel: 03-5510 7105 / 7233 / 7234 Fax: 03-5510 7232 / 5512 9528
E-mel: admin@pnsb.com.my Laman Web: www.pnsb.com.my

EDARAN DIGITAL SELANGORKINI

Liga M 2020: FAS sasar layak peringkat Asia

SHAH ALAM - Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) meletakkan sasaran untuk layak ke saingan peringkat Asia pada 2021 menerusi kempen Liga Malaysia (Liga-M) musim 2020 yang dijangka bermula hujung Februari depan.

Setiausaha Agung FAS, Dr Johan Kamal Hamidon berkata, sasaran itu berikutan skuad Red Giants telah mengatur beberapa strategi dianggap 'strategik' tahun ini bagi mengatasi kelemahan untuk menghadapi saingan tahun depan.

Tambah beliau, berbekalkan barisan pemain utama yang dikekalkan dan ditambah penyertaan enam pemain baharu untuk saingan Liga-M 2020, pasukan Merah Kuning kini lebih bersedia untuk 'menyahut' sebarang perlawanan yang mampu melayakkan mereka hingga ke saingan peringkat Asia.

"Tahun ini kita 'signed' pemain yang strategik untuk mengatasi aspek kelemahan pasukan. Kita sahut cabaran penyokong (untuk mencapai peringkat yang lebih membanggakan).

"Dengan kekuatan pasukan sedia ada ditambah enam pemain baharu yang mempunyai kehebatan dan keupayaan tersendiri, kita lihat skuad Selangor kini lebih lengkap," katanya kepada pemberita selepas majlis pengenalan pemain

Tengku Amir Shah (tengah) berkenan bergambar bersama pemain dan pengawai pasukan pada Majlis Pengenalan Pemain Red Giants 2020 sempena Hari Bolasepak Selangor di Stadium Shah Alam pada 14 Disember lalu. - Foto BERNAMA

Selangor 2020 di sini pada 14 Disember lalu.

Berangkat ke majlis pengenalan pemain itu ialah Raja Muda Selangor yang juga Presiden FAS, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Enam pemain baharu FAS yang diperkenalkan hari ini ialah Nor Hakim Hassan, Safuwan Baharudin, Nicholas Swirad, Brendan Gan, Rodney Celvin dan Tauffiq Ar Rasyid.

Pasukan Selangor menduduki tangga ketiga Liga-M bagi musim 2019 dengan mengumpul 37 mata di belakang Pahang dan Johor Darul Ta'zim. - BERNAMA

Persiapan Red Giants jadi kelab unggul

SHAH ALAM - Penganjuran kejohanan Asia Challenge 2020 disifatkan sebagai 'atur gerak' pasukan Selangor menghadapi kempen Liga Malaysia (Liga-M) musim depan, kata Setiausaha Agung Persatuan Bolasepak Selangor (FAS), Dr Johan Kamal Hamidon.

Beliau berkata, kejohanan yang julung kali diadakan di Stadium Shah Alam pada 18 dan 19 Januari itu melibatkan penyertaan tiga pasukan negara jiran iaitu Bangkok United FC dari Thailand, Hanoi FC (Vietnam) dan Persib Bandung (Indonesia).

"Kejohanan selama dua hari itu bertujuan untuk memberi 'isyarat' dan aspirasi bahawa kita sedang mempersiapkan pasukan untuk menghadapi Liga-M dan menjadi antara kelab bola sepak terunggul di Asia suatu hari nanti.

"Kita bawa pasukan terbaik dari negara jiran untuk bersaing di sini dengan kita. Untuk edisi pertama ini, kita anjurkan perlawanan dengan pasukan dari negara Asean. Selepas ini, mungkin negara Asia lain pula," katanya dalam sidang media di sini pada 14 Disember lalu.

Beliau berkata, menerusi kejohanan edisi Asean itu juga, skuad Merah Kuning menyusun strategi supaya dapat memperbaiki kelemahan pasukan demi mencapai hasrat untuk melayakkan diri bersaing di peringkat Asia pada 2021.

Mengulas mengenai tahap keselamatan semasa kejohanan itu, beliau berkata, FAS juga memberi jaminan keselamatan terbaik kepada penyokong yang hadir ke stadium hasil kerjasama erat dengan polis.

Katanya, penyokong boleh mendapatkan tiket bagi kejohanan tersebut menerusi laman web FAS atau pada hari kejohanan dengan harga RM15 bagi pemegang kad Red Giants dan RM30 bagi bukan pemegang kad manakala untuk kanak-kanak adalah RM5. – BERNAMA

Sumbang emas pada temasya Sukan SEA

Atlet cemerlang bakal terima insentif

SHAH ALAM - Atlet Selangor yang menyumbang pingat emas pada temasya Sukan SEA ke-30 baru-baru ini bakal menerima 'durian runtuh' dijangka pertengahan Januari ini.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari berkata, insentif dijangka RM3,000 hingga RM5,000 itu diperuntuk Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor untuk diberikan kepada atlet yang menunjukkan prestasi cemerlang pada temasya dwitahunan itu.

"(Peruntukan insentif) memang kita telah tetapkan tiga ke empat tahun lepas untuk diberi kepada mana-mana atlet Selangor yang menyumbang pingat emas sama ada dalam Sukan Olimpik, Sukan Asia mahupun Sukan SEA.

"Insentif berkenaan umpama sokongan kepada atlet terlibat kerana daripada 56 pingat emas diraih kontinjen negara, 26 daripadanya disumbang oleh atlet negeri Selangor," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program 'Sweat and Shoot: Sukan Tanpa Diskriminasi' anjuran Kumpulan Karangkraf, di sini, pada 15 Disember lalu.

Untuk rekod, Malaysia menamatkan kempen Sukan SEA di Filipina dengan meraih 56 pingat emas, 58 perak, dan 71 gangsa.

Pada 14 Disember lalu, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa bangga dengan kejayaan atlet negeri ini yang menyumbangkan sebahagian besar pingat emas kepada negara dalam kejohanan sukan berkenaan.

Baginda turut berharap kejayaan pada temasya sukan itu akan terus menjadi inspirasi kepada pegawai, atlet serta MSN Selangor.

Ditanya mengenai pasukan bola sepak Selangor yang dikatakan telah 'diswastakan' susulan penggabungannya dengan PKNS FC, Amirudin menjelaskan skuad Red Giants masih mewakili negeri ini.

"Ini kerana 50 peratus saham pasukan itu dimiliki anak syarikat Kerajaan Negeri antaranya Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan lain-lain anak syarikat akan ditentukan oleh Kerajaan Negeri.

"Ada juga saham daripada Persatuan Bolasepak Selangor (FAS), selebihnya (pemilikan saham) daripada orang perseorangan.

"Formula itu akan kekal dan dilihat boleh melonjakkan pasukan Selangor pada saingan liga akan datang menerusi pengurusan dan pentadbiran yang baik serta profesional," katanya. - BERNAMA

Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan
Dicetak oleh The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd, No 16, Jalan U8/85, Taman Perindustrian Bukit Jelutong, 40150 Shah Alam, Selangor

JOM BELI RUMAH @ PKNS

PROMOSI HEBAT!

AKHIR TAHUN

HARTANAH DALAM JUALAN

ANGGUN KIRANA
ALAM NUSANTARA

Anggun AVENUE

Bayu Malawati
a nature living

Marbella

PUTERI ELAISHA

AZHARA
@ ANTARA GAPI

- Rebat Istimewa*
- Diskaun Sehingga 20%*
- Baucer Barangan Elektrik*
- Tawaran Rekaan Perhiasan Dalaman Rumah*

Kunjungi Galeri Jualan atau Layari Laman Web PKNS bagi Maklumat Lanjut

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (IBU PEJABAT)
Blok B, Kompleks Pejabat PKNS, No 3, Jalan Indah 14/8,
Seksyen 14, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
03-5525 0300

pkns property
pkns_property
pknsproperty

PKNS
www.pkns-property.com

* *Tertakluk kepada Terma dan Syarat*

No. lesen pemaju: 9062-100/07-2020/02339(L) • Tarikh sah: 19/07/2019-18/07/2020 • No. permit iklan dan jualan: 9062-100/07-2020/02339(P) • Tarikh sah: 19/07/2019 - 18/07/2020 • Pihak berkuasa yang meluluskan pelan bangunan: Majlis Perbandaran Selayang • No. kelulusan pelan: (10) dlm.MPS3/2/1371/455(OSC3.0) PB/PIN.F3A1(A) • Bertarikh: 18 Julai 2017 • Tarikh jangka siap: Disember 2019 • Status hak milik: Pajakan selama 99 Tahun, tempoh berakhir pada 04 Februari 2104 • Bebanan tanah: Tiada • Jenis: Rumah Link 2 Tingkat • Bilangan unit: 161 • Harga minimum: RM505,000 - Maksimum: RM607,500 • Sekatan-sekatan kepentingan: Tanah yang diberi hakmilik tidak boleh dijual, dipajak, digadai atau dipindah milik melainkan dengan kebenaran pihak berkuasa negeri. **IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA.**